

# Tempoh kempen 16 hari mencukupi — PM

KUALA LUMPUR 18 Mac — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, tempoh yang terlalu lama untuk berkempen bagi menghadapi pilihanraya umum mungkin akan mengancam ketenteraman awam.

Beliau berkata, jangka masa 16 hari seperti yang diperuntukkan sudah mencukupi bagi parti-parti politik termasuk parti pembangkang menjalankan kempen masing-masing.

Kepada satu pertanyaan, beliau berkata, sama ada tempoh berkempen itu akan dipanjangkan bagi pilihanraya kali ini perlu diteliti dan dinilai terlebih dahulu.

“Tetapi saya rasa jangka masa 16 hari sudah mencukupi dan kita masih belum pasti sama ada kita akan menambah atau tidak (tempoh kempen),” katanya kepada pemberita pada majlis Hari Raya Aidilfitri yang diadakan di Sri Perdana bagi meraikan rakan-rakan lamanya.

Ditanya mengenai tarikh pilihanraya, Dr. Mahathir menyatakan masanya akan tiba dan akan mengumumkannya pada bila-bila masa sahaja.

Hampir 1,000 orang hadir di kediaman Perdana Menteri hari ini yang terdiri daripada rakan-rakan lama beliau bersama ahli keluarga masing-masing.